



# MAIN CAMP HARAP JALIN HUBUNGAN DENGAN KUKUM



**Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)** telah menerima kunjungan dua orang wakil Main Camp Corporation, Sydney, New South Wales, Australia pada 26 Oktober lalu. Frederick T. Gulson, Pengarah dan Jim Gobert, Pengarah Komersial Kumpulan, Main Camp Corporation dengan diiringi oleh Encik Hasnan Abdul Kudus, wakil dari Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) dan Encik Murray dari Perlis Essentials Oil (PEO) telah bertemu dengan Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin di pejabatnya.

Semasa di sini mereka telah diberikan penerangan secara ringkas tentang latar belakang, peranan, misi dan visi universiti serta kursus-kursus yang ditawarkan. Dato' Profesor juga telah berkesempatan menerangkan secara ringkas tentang perancangan KUKUM untuk menubuhkan Pusat Pengajian Kejuruteraan baru yang memfokuskan kepada bidang Biologi Teknologi dan Biologi Proses dalam sedikit masa lagi.

Frederick dalam pada itu berkata, Main Camp Corporation bersedia untuk menjalankan hubungan kerjasama dengan KUKUM apabila prasarana dan kemudahan Pusat Pengajian Kejuruteraan Biologi yang masih dalam pembinaan di Sungai Chuchuh siap kelak. Hubungan kerjasama itu katanya nanti akan melibatkan usahasama tiga pihak iaitu antara KUKUM, Main Camp dan Perlis Essential Oils.

Hubungan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU) itu nanti diharapkan dapat memfokuskan kepada bidang penyelidikan dan pertukaran program kerana Main Camp memerlukan sokongan dan kekuatan dari segi

penyelidikan di dalam bidang biologi iaitu mempunyai hubungan saling kait dengan produk utama syarikat mereka.

Pendapat beliau turut dipersetujui Jim Gobert yang menyatakan, Main Camp Corporation amat berminat menjalankan hubungan kerjasama dengan KUKUM jika diberi peluang. Main Camp katanya pernah menjalankan hubungan kerjasama berbentuk penyelidikan dengan Sydney University. Pengalaman kerjasama penyelidikan tersebut tidak menyukarkan pihaknya untuk menjalankan hubungan dengan mana-mana universiti termasuk KUKUM sendiri.

Main Camp Corporation yang berpangkalan di Sydney adalah syarikat pengeluar minyak pati (*essential*) terbesar di Australia dan telah ditubuhkan sejak tahun 1888. Ia menghasilkan 60 peratus dari pasaran minyak Tea Tree dunia. Minyak Tea Tree dipercayai mempunyai daya penyembuhan yang tinggi dan banyak digunakan di dalam industri kecantikan. Hasil produk mereka kebanyakannya untuk pasaran eksport seperti ke Syria, Indonesia dan Malaysia.

Jim juga menambah mereka amat tertarik dengan galakan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia yang mahu memfokuskan kepada bidang Bio-proses sebagai bidang pembangunan dan penyelidikan (R&D) utama di negara ini. Beliau amat berharap segala perancangan secara tidak rasmi itu akan diterjemahkan ke dalam bentuk MoU antara PEO, KUKUM dan Main Camp dalam masa yang terdekat.